

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
(WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan Harimau Malaya yang menjadi spesies ikonik negara tidak pupus?

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Harimau Malaya sememangnya diancam kepupusan kerana data menunjukkan populasinya berada pada tahap yang sangat membimbangkan. Berdasarkan dapatan Survei Harimau Pertama (*First National Tiger Survey - NTS1*) yang telah dilaksanakan mulai tahun 2016 hingga 2020, anggaran populasi Harimau Malaya terkini adalah kurang daripada 200 ekor. Pada bilangan ini, Malaysia dijangka akan kehilangan spesies Harimau Malaya dalam tempoh 5 hingga 10 tahun sekiranya tindakan drastik (*extraordinary actions*) tidak diambil dengan segera.
  
2. Menyedari akan hal ini, Jemaah Menteri pada 16 Jun 2021 telah bersetuju dengan 9 tindakan strategik konservasi Harimau Malaya bagi tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga 2030 melalui 3 pendekatan berikut:
  - i) Pertama - mengukuhkan usaha bagi menghentikan penurunan populasi Harimau Malaya melalui rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (*boots on the ground*) serta pemeliharaan dan pemuliharaan habitat semula jadi Harimau Malaya;
  
  - ii) Kedua - meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan dalam melaksanakan konservasi Harimau Malaya melalui penubuhan Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force -*

### SOALAN NO: 3

MyTTF), Unit Konservasi Harimau Malaya di bawah Jabatan PERHILITAN, Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah Polis Diraja Malaysia dan pengukuhan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai *centre of excellence* bagi konservasi *ex-situ* Harimau Malaya; dan

- iii) Ketiga - memperkasakan inisiatif bagi memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya melalui penyediaan instrumen kewangan inovatif dan skim akreditasi habitat Harimau Malaya.
3. Adalah diharapkan agar tindakan-tindakan strategik ini dapat memberi keberhasilan yang signifikan dalam memastikan kelangsungan hidup Harimau Malaya.

Sekian, terima kasih.